KALIAMAH RAJAN & YANG LAIN lwn. SUPERINTENDEN WOOI KOOI CHEANG, KETUA POLIS DAERAH TAMPIN, NEGERI SEMBILAN & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ZALEHA YUSOF HMR
YAACOB MD SAM HMR
LAU BEE LAN HMR
[RAYUAN SIVIL NO: N-01(IM)(NCVC)-649-11-2018]
8 JULAI 2020

PROSEDUR SIVIL: *Pembatalan – Rayuan – Rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman yang membenarkan pembatalan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu – Perayu-perayu memplidkan bahawa responden-responden gagal menjaga kebajikan dan keselamatan si mati di dalam lokap dan menuntut ganti rugi-ganti rugi – Sama ada tindakan perayu-perayu difailkan di luar had masa – Sama ada perayu-perayu mempunyai locus standi – Sama ada tuntutan perayu-perayu suatu penyalahgunaan proses mahkamah – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 18 k. 19(1) – Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, s. 2(a)*

PROSEDUR SIVIL: *Locus standi – Writ saman dan pernyataan tuntutan – Perayu-perayu memplidkan bahawa responden-responden gagal menjaga kebajikan dan keselamatan si mati di dalam lokap dan menuntut ganti rugi-ganti rugi – Sama ada perayu-perayu wasi kepada si mati – Sama ada perayu-perayu mematuhi pra-syarat s. 7(2) Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan A. 76 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 – Sama ada tindakan 'obviously unsustainable' sehingga mewajarkan pembatalannya*

HAD MASA: *Tindakan – Kausa tindakan – Writ saman dan pernyataan tuntutan – Perayu-perayu memplidkan bahawa responden-responden gagal menjaga kebajikan dan keselamatan si mati di dalam lokap dan menuntut ganti rugi-ganti rugi – Sama ada writ saman difailkan dalam tempoh masa yang dibenarkan – Sama ada kausa tindakan bermula dari tarikh kematian si mati – Sama ada perayu-perayu perlu menunggu keputusan inkues sebelum memulakan tindakan ke atas responden-responden – Sama ada tuntutan perayu-perayu terhalang di bawah s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948*

Ini adalah rayuan perayu-perayu terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman ('PK') Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu serta jawapan kepada pembelaan responden-responden bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). Perayu-perayu dalam writ saman dan pernyataan tuntutan memplidkan bahawa si mati telah ditangkap oleh pihak polis pada 28 Mei 2013 untuk siasatan bawah s. 324 Kanun Keseksaan ('KK'), berikutan laporan polis yang

dibuat oleh perayu pertama (isteri si mati) bahawa si mati telah memukulnya dengan helmet semasa berlaku satu salah faham antara suami isteri. Mahkamah Majistret telah membenarkan permohonan reman selama empat hari terhadap si mati. Si mati tidak mengaku salah terhadap pertuduhan dan kes ditetapkan untuk sebutan pada 1 Julai 2013. Si mati sepatutnya dihantar ke penjara untuk ditahan lanjut menunggu bicara tetapi oleh sebab berlaku kesilapan dalam waran penahanan, si mati telah dibawa balik dan ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tampin. Perayu-perayu seterusnya memplidkan bahawa si mati telah meninggal dunia pada 1 Jun 2013, pada pukul 6.30 petang, di dalam lokap IPD Tampin, akibat penderaan, pukulan, serangan, hentaman yang mengakibatkan kecederaan luaran dan dalaman badan si mati yang teruk, berikutan penderaan dari segi mental, emosi dan fizikal, pukulan, serangan, dan hentaman yang dilakukan oleh responden keempat hingga ke-13 semasa si mati ditahan di lokap tersebut. Perayu-perayu memplidkan bahawa responden-responden selaku pihak berkuasa awam telah gagal menjaga kebajikan dan keselamatan si mati di dalam lokap daripada didera, dipukul, diserang dan dihentam oleh tahanan-tahanan lain di dalam lokap, secara spesifik bagi insiden yang berlaku pada 31 Mei 2013 dan 1 Jun 2013, sehingga membawa maut kepada si mati. Perayu-perayu menuntut terhadap responden-responden, relief-relief, antara lain, ganti rugi-ganti rugi kehilangan tanggungan, khas, kesedihan, teruk dan teladan. Responden-responden memasukkan pernyataan pembelaannya dan menafikan sebarang tanggungan terhadap tuntutan perayu-perayu. Perayu-perayu memfailkan jawapan kepada pembelaan responden-responden. Pada 30 Mei 2018, responden-responden memasukkan notis permohonan bawah A. 18 dan/atau A. 92 k. 4 KKM untuk memohon, antara lain, agar writ saman dan pernyataan tuntutan serta jawapan kepada pembelaan responden-responden dibatalkan. Alasan-alasan permohonan oleh responden-responden adalah, antara lain, (i) writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu serta jawapan kepada pembelaan responden-responden tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap responden-responden; (ii) perayu-perayu tidak mempunyai *locus standi* untuk membawa tindakan ini terhadap responden-responden; (iii) tindakan perayu-perayu terhadap responden-responden difailkan di luar had masa; dan (iv) tuntutan perayu-perayu terhadap responden-responden adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Pesuruhjaya Kehakiman membenarkan permohonan responden-responden. Oleh itu, rayuan ini. Perayu-perayu menghujahkan, antara lain, bahawa PK telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta (i) apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada fakta bahawa writ saman bertarikh 25 Januari 2018 ke atas responden-responden telah difailkan dalam tempoh masa yang dibenarkan bawah undang-undang, iaitu dalam tempoh tiga tahun dari tarikh keputusan inkues bertarikh 28 Januari 2015; dan (ii) apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya bahawa perayu-perayu mempunyai *locus standi* untuk membawa tindakan ini terhadap responden-responden.

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Yaacob Md Sam HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Si mati telah meninggal dunia pada 1 Jun 2013. Kausa tindakan bermula dari tarikh kematian si mati tersebut. Sudah tentunya sijil kematian si mati dan kebenaran bagi pengkebumian mayat si mati dikeluarkan oleh pihak berkuasa kepada keluarga si mati. Oleh kerana kematian si mati sewaktu berada di dalam lokap polis, maka sudah tentu terdapat laporan polis dibuat oleh pegawai polis tentang kematian orang dalam tahanan sepertimana yang dikehendaki oleh peruntukan Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Tindakan terhadap responden-responden boleh dimulakan awal sebelum tempoh 36 bulan dari tarikh kematian si mati pada 1 Jun 2013. Maklumat-maklumat untuk menyokong tindakan boleh diperolehi oleh perayu-perayu jika usaha diligen dilakukan tetapi perayu-perayu telah berterusan berdiam diri dan duduk atas hak mereka dan tidak mengambil tindakan terhadap responden-responden. Jelasnya, perayu-perayu gagal dan tidak melihatkan mereka mengambil langkah-langkah sedemikian. (perenggan 30)

(2) Seksyen 334 KTJ menghendaki pegawai polis di mana tahanan mati semasa berada di bawah kustodinya, membuat laporan dengan segera kepada Majistret terdekat tentang kematian yang berlaku. Majistret akan hadir membuat pemeriksaan mayat si mati sebelum mayat si mati dibenarkan dipindahkan keluar daripada lokap bagi dihantar ke hospital untuk bedah siasat oleh pakar patologi untuk mengetahui sebab kematian yang akan dibuat serahan kepada pegawai penyiasat kes kematian. Inkues adalah kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya bawah s. 339 KTJ untuk memberi arahan agar Majistret yang akan bertindak sebagai koroner melaksanakan inkues atau siasatan sesuatu kes kematian yang, pada pendapat Pendakwa Raya, memerlukan inkues diadakan. Inkues bukan satu kewajipan dalam semua kejadian kematian. Oleh itu, hujahan perayu-perayu bahawa mereka menunggu keputusan inkues sebelum memulakan tindakan ke atas responden-responden adalah satu falasi atau 'misconceived'. (perenggan 30)

(3) Kematian si mati hanya melibatkan satu elemen 'single act' iaitu dakwaan akibat daripada serangan dan kecuaian responden-responden yang semuanya terjadi dan berakhir pada hari yang sama, iaitu 1 Jun 2013. Perayu-perayu tidak boleh bersandarkan kepada faktor keputusan inkues dalam mana kuasa budi bicara terletak kepada Pendakwa Raya untuk mengarahkan inkues dibuat atau tidak. Jika sekiranya tiada inkues diarahkan oleh Pendakwa Raya, apakah yang masih ada untuk ditunggu oleh perayu-perayu sebelum memfailkan tindakan? Jelasnya inkues tidak boleh dijadikan alasan yang membentuk elemen kecederaan dan kerosakan berterusan yang boleh menunda atau menangguh tempoh had masa tindakan. Oleh itu, hujahan perayu-perayu bahawa sekiranya tindakan perayu-perayu difailkan sebelum inkues akan menjadikan

tuntutan tersebut sebagai pra-matang yang akan membolehkan responden-responden membatalkan tindakan tidak mempunyai merit. Perayu-perayu tidak boleh hanya bangkit menuntut haknya setelah luput tempoh masa yang dibenarkan bawah undang-undang. (perenggan 34)

(4) Tiada kekhilafan dilakukan oleh PK apabila membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu dan juga jawapan perayu-perayu untuk pembelaan responden-responden. Jelas telah berlaku kelewatan selama empat tahun tujuh bulan daripada tarikh 1 Jun 2013, iaitu tarikh kejadian serangan yang dikatakan dilakukan terhadap si mati dan dakwaan kecuaian responden-responden untuk menghalang kejadian serangan daripada berlaku. Tuntutan perayu-perayu, oleh itu, telah terhalang di bawah s. 2(a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dan adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah yang mewajarkan tuntutan perayu-perayu dibatalkan di bawah semua cabang yang terdapat dalam A. 18 k. 19(1) KKM. (perenggan 38)

(5) Perayu-perayu mengakui bahawa perayu pertama dan perayu kedua masih belum mendapatkan surat kuasa mentadbir untuk mentadbir dan mewakili estet si mati. Perayu-perayu ketika membawa tindakan ini bukanlah wasi kepada si mati dan dengan itu gagal mematuhi pra-syarat s. 7(2) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Perayu ketiga pula, seorang kanak-kanak bawah umur, membawa tindakan ini atas nama sendiri dan bukan melalui wakil litigasi dan dengan itu melanggari pra-syarat A. 76 k. 2(1) KKM. Perayu-perayu tidak mempunyai *locus standi* untuk membawa tindakan ini. Tindakan perayu-perayu adalah 'obviously unsustainable' dan mewajarkan pembatalannya. (perenggan 39, 40, 44 & 45)

***English** Headnotes*

This was the appellants' appeal against the decision of the Judicial Commissioner ('JC') of the High Court allowing the respondents' application to strike out the appellants' writ of summons and statement of claim and the appellants' response to the respondents' defence under O. 18 r. 19(1) of the Rules of Court 2012 ('ROC'). In the writ of summons and statement of claim, the appellants pleaded that the deceased had been detained by the police on 28 May 2013 for investigations under s. 324 of the Penal Code ('PC'), following a police report made by the first appellant (wife of the deceased) that the deceased had beaten the wife with a helmet during a misunderstanding between the married couple. The Magistrate's Court allowed the application for four days remand against the deceased. The deceased pleaded not guilty to the charge against him and the case was set for hearing on 1 July 2013. The deceased was supposed to be transferred to prison for further detention while awaiting trial but due to an error in the arrest warrant, the deceased was brought back and detained at the Tampin

District Police Headquarters ('TPH'). The appellants proceeded to plead that the deceased had died on 1 June 2013, at 6.30 in the evening, in the TPH lockup, as a result of abuse, beatings and attacks that caused severe external and internal injuries, following mental, emotional and physical abuse as well as beatings and attacks committed by the fourth respondent to the 13th respondent while the deceased was detained at the said lockup. The appellants pleaded that the respondents, as public authorities, failed to take care of the welfare and protect the safety of the deceased in the lockup from being abused, beaten, and attacked by the other detainees in the lockup, specifically for the incident that occurred on 31 May 2013 and 1 June 2013, which led to the death of the deceased. The appellants claimed reliefs against the respondents, *inter alia*, for damages for loss of dependency, special damages, bereavement, aggravated damages and exemplary damages. The respondents entered their statement of defence and denied any liability against the claims of the appellants. The appellants filed their response against the respondents' defence. On 30 May 2018, the respondents filed a notice of application under O. 18 and/or O. 92 of the ROC to claim, *inter alia*, that the writ of summons and statement of claim as well as the response to the respondents' defence be struck out. The grounds for the respondents' application were, *inter alia* (i) the appellants' writ of summons and statement of claim as well as the appellants' response to the respondents' defence did not disclose a reasonable cause of action against the respondents; (ii) the appellants did not have the necessary *locus standi* to bring this action against the respondents; (iii) the action against the respondents was filed out of time; and (iv) the appellants' claims against the respondents was an abuse of the process of the court. The JC allowed the respondents' application. Hence, this appeal. The appellants submitted, *inter alia*, that the JC had erred in terms of the law and facts (i) when he failed to take into consideration the fact that the writ of summons dated 25 January 2018 on the respondents was filed within time according to the law, which was three years from the date of the decision of the inquest on 28 January 2015; and (ii) when he failed to take into consideration that the appellants had the *locus standi* to bring this action against the respondents.

Held (dismissing appeal)
Per Yaacob Md Sam JCA delivering the judgment of the court:

(1) The deceased had passed away on 1 June 2013. The cause of action began from the date of the deceased's death. The death certificate and the permission to bury the body of the deceased would certainly have been released by the authorities to the family of the deceased. Due to the fact that the deceased's death occurred while he was in the police lockup, a police report would have been made by the police officer regarding the death of a detainee as provided by the provisions under the Criminal Procedure Code ('CPC'). Action against the respondents could be taken before the 36 month period from the date of the deceased's

death on 1 June 2013. The information needed to support the action could be obtained by the appellants if diligent effort was taken but the appellants had continued to be silent and sat on their rights instead of taking action against the respondents. Clearly, the appellants failed to do so and was not seen to be taking the said necessary steps.

(2) Section 334 of the CPC requires the police officer under whose custody the deceased was detained to make an immediate report to the nearest Magistrate about the death that occurred. The Magistrate will then attend to the examination of the body of the deceased before the body is allowed to be transferred out from the lockup to be sent to the hospital for a post mortem by a pathologist to determine the cause of death which will then be submitted to the investigating officer investigating the death. An inquest is the power given by the Prosecutor under s. 339 of the CPC to provide instructions so that the Magistrate will be able to take action as a coroner to carry out the inquest or the investigation of a death that according to the Prosecutor requires an inquest to be done. An inquest is not compulsory for all deaths. Thus, the submissions by the appellants that they had to wait for the decision of the inquest before they could commence the action against the respondents was a fallacy or was misconceived.

(3) The death of the deceased only involved one element of a single act that was the allegation of an attack and the negligence of the respondents that took place and ended on the same day, that was 1 June 2013. The appellants could not rely on the decision of the inquest as the discretionary power was in the hands of the prosecutor as to whether to give the order for an inquest. If there is no inquest ordered by the Prosecutor, what was there for the appellants to wait for before filing the action? Clearly, an inquest could not be a reason to shape the element of continuous injury and damage that could delay or postpone the time limit of the action. Therefore, the appellants' submissions that filing the appellants' action before the inquest could make the said claims premature that would enable the respondents to strike out the action, had no merit. The appellants could not just claim their rights after the expiration of the time allowed under the law.

(4) The JC had not erred when he allowed the respondents' application to strike out the appellants' writ of summons and statement of claim as well as the appellants' response to the respondents' defence. Clearly, there was a delay of four years and seven months from 1 June 2013, which was the date of the attack against the deceased and the allegation that the respondents had failed to prevent the attack from taking place. The appellants' claims was thus barred under s. 2(a) of the Public Authorities Protection Act 1948 and was an abuse of the process of the court warranting the appellants' claims to be struck out under O. 18 r. 19(1) ROC.

(5) It was the admission of the appellants that the first and second appellant, had not yet obtained the letter of administration to administer and represent the estate of the deceased. The appellants were not the testators of the deceased when bringing this action, thus, they failed to comply with the pre-condition of s. 7(2) of the Civil Law Act 1956. The third appellant, an underaged child, brought this action in his own name and not through a legal representative, which was an impingement on O. 76 r. 2(1) of the ROC. The appellants therefore did not have the *locus standi* to bring this action. The plaintiffs' action was obviously unsustainable, warranting it to be struck out.

Kes-kes yang dirujuk:

Alias Ismail v. Hairuddin Mohamad & Anor [1997] 4 CLJ 669 CA ***(dirujuk)***

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC ***(dirujuk)***

Credit Corp (M) Bhd v. Fong Tak Sin [1991] 2 CLJ 87; [1991] 1 CLJ (Rep) 69 SC ***(dirujuk)***

Ibrahim Mohideen Kutty v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2003] 6 CLJ 144 HC ***(dirujuk)***

Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors [2009] 1 CLJ 663 FC ***(dirujuk)***

Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor Darul Takzim & Yang Lain lwn. Lee Foo Chuan [2017] 1 LNS 1932 HC ***(dirujuk)***

Ronald Beadle v. Hamzah HM Saman & Ors [2007] 1 CLJ 421 CA ***(dirujuk)***

Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor [2007] 6 CLJ 245 FC ***(dirujuk)***

SR Katherine Lim KH v. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia & Ors [1997] 2 CLJ 564 CA ***(dirujuk)***

Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd [2011] 3 CLJ 751 FC ***(dirujuk)***

Vista Specialist Eye Centre Sdn Bhd v. Dato' Loo Son Yong & Another Appeal [2016] 1 LNS 1127 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Age of Majority Act 1971, s. 2
Civil Law Act 1956, s. 7(2)
Criminal Procedure Code, ss. 330, 334, 339
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 5, 1969, s. 4(1)
Internal Security Act 1960 (repealed), s. 8(1)
Penal Code, s. 324
Public Authorities Protection Act 1948, s. 2(a), (b)
Rules of Court 2012, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (c), O. 76 r. 2(1), O. 92 r. 4
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(b), (d)

Bagi pihak perayu-perayu - Manoharan Tevadasin; T/n Ong & Partners
Bagi pihak responden-responden - Kamal Azira Hassan & Nadiatul Syima Ismail; PKP

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Seremban; Guaman Sivil No: NA-21NCVC-3-01-2018 (disahkan).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam HMR:

Pengenalan

B **[1]** Rayuan ini adalah oleh perayu pertama, perayu kedua dan perayu ketiga (perayu-perayu) (plaintif-plaintif di mahkamah bawahan) terhadap keputusan YA Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya di Seremban yang telah membenarkan permohonan responden-responden (defendan-defendan di mahkamah bawahan) untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu bertarikh 25 Januari 2018 serta C jawapan kepada pembelaan defendan-defendan bertarikh 30 April 2018 bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Perayu-perayu juga diperintahkan membayar kos sebanyak RM4,000 kepada responden-responden.

D **[2]** Terkilan terhadap keputusan YA Pesuruhjaya Kehakiman tersebut, perayu-perayu telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Kami telah mendengar rayuan perayu-perayu dan memutuskan secara sebulat suara menolak rayuan perayu-perayu.

[3] Kami kini memberikan alasan-alasan keputusan kami tersebut.

E **Latar Belakang**

[4] Melalui writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 25 Januari 2018, perayu-perayu telah memohon relief-relief berikut terhadap responden-responden, secara bersesama atau berasingan:

F (i) ganti rugi am untuk ditaksirkan;

(ii) ganti rugi kehilangan tanggungan untuk ditaksirkan;

(iii) faedah ke atas ganti rugi am dan ganti rugi kehilangan tanggungan pada kadar 5% setahun dari tarikh kematian (1 Jun 2013) sehingga ke tarikh penyelesaian penuh;

G (iv) ganti rugi khas;

(v) faedah ke atas ganti rugi khas pada kadar 5% setahun ke atas ganti rugi khas dari tarikh kematian (1 Jun 2013) sehingga penyelesaian penuh;

H (vi) ganti rugi atas kesedihan ('bereavement')

(vii) ganti rugi teruk sebanyak RM2,500,000;

(viii) ganti rugi teladan sebanyak RM2,500,000;

(ix) faedah ke atas ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan pada kadar 5% setahun dari tarikh kematian (1 Jun 2013) sehingga ke tarikh penyelesaian penuh;

I

(x) suatu perintah diberikan supaya defendan ke-14, ke-15 dan ke-16 mengambil tindakan undang-undang terhadap pegawai-pegawai penjaga lokap yang sengaja memungkiri kuasa, dan undang-undang, sehingga membawa maut kepada si mati, di dalam masa 30 hari dari tarikh perintah ini;

(xi) kos tindakan ini; dan

(xii) lain-lain relief yang difikirkan suai manfaat dan adil untuk dibenarkan oleh mahkamah.

[5] Perayu-perayu dalam writ dan pernyataan tuntutan memplidkan bahawa si mati bernama Karuna Nithi a/l Palani Velu telah ditangkap oleh pihak polis pada 28 Mei 2013 pada pukul 5.30 petang untuk siasatan bawah s. 324 Kanun Keseksaan, berikutan daripada laporan polis yang dibuat oleh perayu pertama bahawa si mati telah memukulnya dengan helmet semasa berlaku satu salah faham antara suami isteri (ms. 34-56 rekod rayuan jilid IA(P)]. Perayu pertama adalah isteri si mati.

[6] Pada 29 Mei 2013, Majistret Mahkamah Majistret Tampin telah membenarkan permohonan reman selama empat hari terhadap si mati bermula pada 29 Mei 2013 hingga 1 Jun 2013 untuk tujuan siasatan di bawah kesalahan s. 324 Kanun Keseksaan. Pada 31 Mei 2013, si mati telah dituduh di Mahkamah Majistret Tampin bawah s. 324 Kanun Keseksaan. Si mati tidak mengaku salah terhadap pertuduhan dan kes ditetapkan untuk sebutan pada 1 Julai 2013 untuk menunggu laporan perubatan. Mahkamah Majistret menetapkan wang jaminan sebanyak RM4,000, tetapi si mati gagal mengadakan wang jaminan. Si mati sepatutnya dihantar ke penjara untuk ditahan lanjut menunggu sebutan/bicara, tetapi oleh sebab berlaku kesilapan dalam waran penahanan, si mati telah dibawa balik dan ditahan di lokap lbu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tampin menunggu pindaan pembetulan dilakukan atas waran penahanan pada keesokan harinya.

[7] Perayu-perayu seterusnya memplidkan bahawa si mati telah meninggal dunia pada 1 Jun 2013, pada pukul 6.30 petang, di dalam lokap IPD Tampin, Negeri Sembilan, akibat penderaan, pukulan, serangan, hentaman, yang mengakibatkan kecederaan luaran dan dalaman badan si mati yang teruk, berikutan penderaan dari segi mental, emosi dan fizikal, pukulan, serangan, dan hentaman yang dilakukan oleh responden keempat hingga ke-13 semasa si mati ditahan di lokap tersebut bermula pada 31 Mei 2013 hingga 1 Jun 2013.

[8] Perayu-perayu memplidkan bahawa responden-responden selaku pihak berkuasa awam telah gagal menjaga kebajikan dan keselamatan si mati di dalam lokap daripada didera, dipukul, diserang dan dihentam oleh tahanan-tahanan lain di dalam lokap, secara spesifik bagi insiden yang berlaku pada 31 Mei 2013 dan 1 Jun 2013, sehingga membawa maut kepada si mati.

[9] Perayu-perayu oleh itu menuntut terhadap responden-responden untuk relief-relief sepertimana yang disebutkan di perenggan [4] di atas.

[10] Responden-responden telah memasukkan pernyataan pembelaan defendan-defendan bertarikh 10 April 2018. Responden-responden tidak mengakui dan menafikan sebarang tanggungan terhadap tuntutan perayu-perayu tersebut (ms. 59-73 rekod rayuan IA(P)].

[11] Pada 30 April 2018, perayu-perayu memfailkan jawapan kepada pembelaan defendan-defendan (ms. 74-90 rekod rayuan jilid IA(P)].

Notis Permohonan Defendan-Defendan (Lampiran 10)

[12] Pada 30 Mei 2018, responden-responden memasukkan notis permohonan bawah A. 18 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan/atau A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 (lampiran 10). Permohonan tersebut disokong oleh afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Nadiatul Syima binti Ismail, Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara.

[13] Melalui notis permohonan tersebut, defendan-defendan memohon untuk mendapatkan perintah berikut:

(i) writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 25 Januari 2018 serta jawapan kepada pembelaan defendan-defendan bertarikh 30 April 2018 dibatalkan menurut A. 18 k. 19(1)(a) atau (b) atau (c) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan/atau A. 92 k. 4 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012;

(ii) segala prosiding terhadap defendan-defendan digantung sehingga keputusan muktamad permohonan ini;

(iii) kos permohonan ini dan guaman ini dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan-defendan selaras dengan peruntukan s. 2(b) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948; dan

(iv) apa-apa perintah yang difikirkan suai manfaat dan patut oleh mahkamah yang mulia ini.

[14] Alasan-alasan permohonan oleh defendan-defendan adalah seperti berikut:

(a) writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif serta jawapan kepada pembelaan defendan-defendan tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan-defendan;

(b) plaintif pertama, plaintif kedua dan plaintif ketiga (plaintif-plaintif) tidak mempunyai "*locus standi*" untuk membawa tindakan ini terhadap defendan-defendan;

(c) tindakan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan difailkan di luar had masa;

(d) relief-relief dipohon tidak dibenarkan di bawah undang-undang; dan

(e) dalam semua hal keadaan tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[15] Pada 8 Oktober 2018, YA Pesuruhjaya Kehakiman telah membenarkan permohonan defendan-defendan tersebut.

Rayuan Perayu-Perayu Di Mahkamah Ini

[16] Dalam memorandum rayuan bertarikh 25 Disember 2018, perayu-perayu memberikan lapan alasan rayuan seperti berikut:

(i) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada fakta bahawa writ saman bertarikh 25 Januari 2018 ke atas responden-responden telah difailkan di dalam tempoh masa yang dibenarkan di bawah undang-undang, iaitu di dalam tempoh tiga tahun dari tarikh keputusan inkues bertarikh 28 Januari 2015, apabila membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu;

(ii) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap fakta bahawa jika perayu-perayu memfailkan tindakan sivil terhadap responden-responden sebaik sahaja selepas kematian si mati di Lokap Balai Polis Tampin pada 1 Jun 2013, tanpa mengetahui punca kematian asalnya (iaitu sebelum keputusan inkues dikeluarkan), maka tindakan perayu-perayu akan dianggap pra-matang, dan boleh dibatalkan;

(iii) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap fakta bahawa perayu-perayu yang merupakan isteri yang sah dan anak-anak kandung yang sah kepada si mati mempunyai kausa tindakan (cause of action) yang sah terhadap responden-responden yang mengakibatkan kematian si mati semasa si mati dalam tahanan polis di Lokap Balai Polis Tampin, apabila membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu; dan

(iv) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya bahawa perayu-perayu mempunyai '*locus standi*' untuk membawa tindakan ini ke atas responden-responden dan juga undang-undang tidak mensyaratkan keperluan surat kuasa wakil untuk perayu-perayu menuntut ganti rugi tanggungan (dependency claim) terhadap responden-responden, yang bertanggungjawab untuk kematian si mati yang berada di dalam tahanan polis di Lokap Balai Polis Tampin pada

1 Jun 2013, dengan kecederaan teruk pada badannya, apabila membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu;

(v) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada fakta bahawa keputusan inkues bertarikh 28 Januari 2015 telah dirayukan di Mahkamah Tinggi yang telah menolak rayuan dan mengekalkan keputusan inkues pada 9 Oktober 2017 dan seterusnya masih lagi berada pada tahap rayuan di Mahkamah Rayuan, apabila memutuskan bahawa tindakan yang difailkan oleh perayu-perayu berada di luar had masa tiga tahun dari tarikh kematian pada 1 Jun 2013, dan gagal memberikan pertimbangan yang adil bahawa kes ini masih berada di dalam had masa tiga tahun, dari tarikh keputusan inkues bertarikh 28 Januari 2015;

(vi) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya bahawa had masa untuk kes ini seharusnya bermula dari tarikh keputusan inkues bertarikh 28 Januari 2015 dan/atau selepas suatu keputusan yang muktamad dikeluarkan untuk kes inkues, yang masih berada dalam rayuan;

(vii) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya bahawa perayu-perayu masih boleh memfailkan suatu permohonan untuk surat kuasa mentadbir, sebelum tarikh bicara atau selepasnya, dan tiada apa-apa halangan untuk mahkamah menetapkan ganti rugi atau kuantum yang sewajarnya, untuk kecederaan-kecederaan yang dialami di dalam lokap, sementara perayu-perayu menyelesaikan masalah keluarga, dan memohon untuk surat kuasa mentadbir; dan

(viii) hakim yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan/atau fakta apabila gagal memberikan pertimbangan yang sewajarnya bahawa tiada sebarang halangan di sisi undang-undang untuk memfailkan suatu tuntutan ganti rugi pergantungan (dependency), tanpa memperoleh surat kuasa mentadbir, dan isu sama ada ganti rugi am dibayar oleh responden-responden kepada perayu-perayu, untuk kecederaan-kecederaan badan yang teruk, yang telah dialami oleh si mati, sewajarnya ditetapkan, selepas perbicaraan.

Keputusan Mahkamah ini

[17] Alasan rayuan di perenggan [1], [2], [5] dan [6] adalah berhubung kait melibatkan isu yang sama, iaitu sama ada tindakan oleh perayu-perayu telah terhalang oleh sekatan had masa. Kami akan menimbangkan dahulu isu ini memandangkan ia adalah isu utama dalam rayuan ini.

[18] Kami mengamati penghakiman YA Pesuruhjaya Kehakiman untuk isu ini. Kami mendapati dalam perenggan-perenggan [10], [11], [16], [17], [18] dan [19] penghakiman, YA Pesuruhjaya Kehakiman telah menimbangkan isu had masa yang terpakai dalam tindakan yang difailkan oleh perayu-perayu.

[19] Selanjutnya pada perenggan [20] dan [21] penghakiman, YA Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan seperti berikut:

> (20) Si mati meninggal dunia pada 1 Jun 2013. Kausa tindakan bermula dari tarikh kematian si mati pada 1 Jun 2013. Kausa tindakan kecuaian dan kausa tindakan bagi kehilangan tanggungan di bawah seksyen 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 adalah bermula dari tarikh kematian si mati pada 1 Jun 2013 dan bukan dari tarikh keputusan inkues pada 28 Januari 2015 seperti yang dihujahkan oleh peguam cara plaintif-plaintif.
>
> (21) Tempoh tiga puluh enam bulan untuk plaintif-plaintif memfailkan tindakan ini adalah berakhir pada 31 Mei 2016. Plaintif-plaintif hanya memfailkan tindakan ini pada 25 Januari 2018, di luar tempoh tiga puluh enam bulan yang ditetapkan oleh seksyen 2(a) PAPA.

[20] Di hadapan mahkamah ini, peguam cara terpelajar bagi pihak perayu-perayu menegaskan bahawa punca kematian si mati hanya dikenal pasti dan diketahui pada 28 Januari 2015, iaitu tarikh keputusan inkues oleh koroner. Maka itu, writ saman dan pernyataan tuntutan yang difailkan oleh perayu-perayu terhadap responden-responden pada 25 Januari 2018 masih dalam lingkungan had masa tiga tahun sepertimana yang dibenarkan di bawah undang-undang. Peguam cara merujuk kepada dua kes autoriti untuk menyokong hujahannya dalam isu penentuan had masa tindakan, iaitu kes *Ibrahim Mohideen Kutty v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2003] 6 CLJ 144; [2003] 5 MLJ 294 HC dan kes *Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor Darul Takzim & Yang Lain lwn. Lee Foo Chuan* [2017] 1 LNS 1932 HC.

[21] Peguam Kanan Persekutuan (PKP) terpelajar bagi pihak responden-responden sebaliknya menegaskan peruntukan s. 2(a) Public Authorities Protection Act 1948 (PAPA) adalah peruntukan mutlak dan mandatori untuk dipatuhi. Tindakan yang difailkan oleh perayu-perayu pada 28 Januari 2015 oleh itu telah terhalang oleh had masa yang diperuntukkan bawah s. 2(a) PAPA. PKP selanjutnya menegaskan bahawa bantahan halangan had masa telah diplidkan secara nyata dalam perenggan (25) dan (37) pernyataan pembelaan defendan-defendan. PKP merujuk kepada kes-kes autoriti berikut bagi menyokong penegasannya untuk isu keesahan had masa tindakan: *Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd* [2011] 3 CLJ 751 FC; *Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor* [2007] 6 CLJ 245; [2007] 7 MLJ 1 FC; *Alias Ismail v. Hairuddin Mohamad & Anor* [1997] 4 CLJ 669 CA; *Credit Corp (M) Sdn Bhd v. Fong Tak Sin* [1991] 2 CLJ 871; [1991] 1 CLJ (Rep) 69 SC; dan *SR Katherine Lim KH v. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia & Ors* [1997] 2 CLJ 564; [1997] 2 MLJ 538 CA.

[22] Seksyen 2(a) PAPA memperuntukkan seperti berikut:

> Protection of person acting in execution of statutory or other public duty
>
> 2. Where, after the coming into force of this Act, any suit, action, prosecution or other proceeding is commenced in the Federation against any person for any act done in pursuance or execution or intended execution of any written law or of any public duty or authority or in respect of any alleged neglect or default in the execution of any such written law, duty or authority the following provisions shall have effect:
>
> (a) the suit, action, prosecution or proceeding shall not lie or be instituted unless it is commenced within thirty-six months next after the act, neglect or default complained of or, in the case of a continuance of injury or damage, within thirty-six months next after the ceasing thereof.

[23] Dalam kes *Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Ors (supra)*, perayu telah digantung tugasnya sebagai pemandu di Jabatan Peguam Negara selepas perayu ditahan di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Perayu kemudiannya telah dipecat daripada perkhidmatan awam melalui surat bertarikh 16 Julai 1992 dan berkuat kuasa dari tarikh 6 Julai 1992. Perayu mengemukakan rayuan bertarikh 26 Julai 1992 kepada Lembaga Rayuan. Pada 19 Oktober 1992, Lembaga Rayuan membuat keputusan menolak rayuan perayu. Surat keputusan Lembaga Rayuan tersebut dibuat serahan ke atas perayu pada 26 November 1992. Pada 24 November 1995, perayu memfailkan satu tindakan terhadap responden-responden memohon deklarasi bahawa pemecatannya adalah terbatal dan tidak sah atas alasan bahawa pemecatan itu berdasarkan perintah tahanan yang tidak sah. Mahkamah Tinggi telah menolak tindakan perayu. Mahkamah Rayuan juga telah menolak rayuan perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi. Perayu memfailkan permohonan untuk merayu. Mahkamah Persekutuan telah memberikan kebenaran merayu berdasarkan persoalan-persoalan berikut: (1) sama ada perintah penahanan boleh dicabar dalam prosiding kolateral; dan (2) berdasarkan tempoh had masa sama ada masa bermula dari tarikh perintah penahanan atau dari tarikh keputusan Lembaga dimaklumkan kepada perayu.

[24] Untuk persoalan pertama, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa perayu tidak boleh mencabar kesahan perintah tahanan melalui tindakan kolateral dalam mencabar keputusan pemecatan perayu. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa tindakan perayu untuk mencabar kesahan perintah tahanan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah kerana perayu telah gagal untuk berbuat demikian dalam tempoh 36 bulan yang dibenarkan oleh s. 2 PAPA untuk mencabar perintah tahanan yang dibuat pada 5 Ogos 1991 dan masa untuk mencabar telah luput pada 4 Ogos 1994 walhal writ hanya difailkan pada 24 November 1995, satu kelewatan lebih 15 bulan selepas tamat tempoh had masa.

[25] Untuk persoalan kedua, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> [18] In our judgment, s. 2(a) of the Act is mandatory in its term. The word 'shall' is used in that section indicating that the 36 months period in respect of time is a mandatory requirement and it cannot be abridged. It is therefore clear that time starts from the act complained of and not the communication of the decision as contended by the appellant. The 'act' in the present case is the decision of the Board dismissing the appellant's appeal. The decision was made on 19 October 1992 as stated in the letter dated 26.11.1992. Hence, the time to file the action runs from the date of the decision and the last day to file it would be on 18.10.1995 and not on 25.11.1995. If time were to run from the date of communication of the decision on 26.11.1992 as contended by the appellant and not the date when the decision was made on 19.10.1992, then the provision in s. 2(a) of the Act would have said so in the section.
>
> … Such being the case, we find that the appellant's action was time-barred as he was 39 days late when he filed the action.

[26] Mahkamah Persekutuan selanjutnya menegaskan secara *per incuriam* tentang pentingnya mahkamah bawahan mematuhi doktrin *stare decisis* atas sesuatu tafsiran statut yang telah dibuat oleh mahkamah atasan.

[27] Dalam kes *Alias Ismail v. Hairuddin Mohammad & Anor (supra)*, Mahkamah Rayuan di ms. 673 memutuskan seperti berikut:

> The court has no discretion to set aside a defence of limitation. In *Riches v. Director of Public Prosecutions* [1973] 1 WLR 1019, it was held that it was open to the defendant on an application to dismiss an action as being frivolous and vexatious or an abuse of the process of the court to show that the plaintiff's cause of action was statute barred and must inevitably fail for that reason.
>
> This has been followed by the Federal Court in *Tio Chee Hing & Ors v. Government of Sabah* [1981] 1 MLJ 207 and *Haji Hussin bin Haji Ali & Ors. v. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob & Ors; and connected cases* [1983] 2 MLJ 227.

[28] Kami mengamati pernyataan tuntutan perayu-perayu dalam tindakan terhadap responden-responden. Perayu-perayu telah memplidkan dua kausa tindakan terhadap responden-responden, iaitu (i) kausa tindakan kecuaian, dan (ii) kausa tindakan bawah s. 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956. Tidak terdapat dalam mana-mana pernyataan tuntutan tersebut perayu-perayu menyebutkan bahawa mereka membawa tindakan atas kapasiti wasi kepada estet si mati. Perayu pertama dan kedua belum lagi mendapatkan surat kuasa mentadbir. Perayu ketiga pula adalah seorang kanak-kanak di bawah umur yang belum mencapai umur dewasa 18 tahun menurut s. 2 Age of Majority Act 1971. Maka yang demikian timbul isu '*locus standi*' perayu-perayu dalam tindakan ini yang menjadi perkara berbangkit oleh responden-responden

dalam penegasan bahawa perayu-perayu tidak mempunyai kapasiti undang-undang atau '*locus standi*' untuk membawa tindakan ini secara sah. lsu ini akan kami kupas lebih lanjut nanti.

[29] Dalam kes *Tasja Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd* (*supra*), Mahkamah Persekutuan di ms. 764 memutuskan seperti berikut:

> [25] ... in an application for striking out under O. 18 r. 19(1) RHC on the ground of limitation to bring an action, a distinction must be made as to which provision of the law is used to ground such application. If it is based on s. 2(a) of PAPA or s. 7(5) of the Civil Law Act, where the period of limitation is absolute then in a clear and obvious case such application should be granted without having to plead such defence. However, in a situation where limitation is not absolute, like in a case under Limitation Act, such application for striking out should not be allowed until and unless limitation is pleaded as required under s. 4 of the Limitation Act.

[30] Berbalik semula kepada rayuan ini. Perayu-perayu menegaskan had masa tindakan mereka hanya bermula pada 28 Januari 2015, iaitu tarikh mahkamah koroner membuat keputusan inkues berkaitan sebab kematian si mati. Maka itu apabila perayu-perayu memfailkan tindakan ini pada 25 Januari 2018, mereka berada dalam tempoh masa yang dibenarkan, iaitu 36 bulan dikira daripada tarikh keputusan inkues. YA Pesuruhjaya Kehakiman tidak bersetuju atas hujahan tersebut. Fakta yang tidak dipertikaikan adalah si mati mati pada 1 Jun 2013. Sudah tentunya terdapat sijil kematian si mati dan kebenaran bagi pengkebumian mayat si mati dikeluarkan oleh pihak berkuasa kepada keluarga si mati. Oleh kerana kematian si mati sewaktu berada di dalam lokap polis, maka sudah tentu terdapat laporan polis yang dikenali sebagai laporan maklumat pertama dibuat oleh pegawai polis tentang kematian orang dalam tahanan seperti mana yang dikehendaki oleh peruntukan Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 334 Kanun Tatacara Jenayah menghendaki pegawai polis di mana tahanan mati semasa berada di bawah kustodinya, membuat laporan dengan segera kepada Majistret terdekat tentang kematian yang berlaku. Majistret akan hadir membuat pemeriksan mayat si mati sebelum mayat si mati dibenarkan dipindahkan keluar daripada lokap bagi dihantar ke hospital untuk bedah siasat (post mortem) oleh pakar patologi untuk mengetahui sebab kematian seperti yang diperuntukkan oleh s. 330 Kanun Tatacara Jenayah. Oleh yang demikian, akan terdapat laporan bedah siasat oleh pakar patologi atas sebab kematian si mati yang akan dibuat serahan kepada pegawai penyiasat (IO) kes kematian. Inkues pula adalah merupakan kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya bawah s. 339 Kanun Tatacara Jenayah untuk memberi arahan supaya Majistret yang akan bertindak sebagai koroner melaksanakan inkues atau siasatan sesuatu kes kematian yang pada pendapat Pendakwa Raya memerlukan inkues diadakan. Maka yang demikian inkues bukan satu kewajipan dalam semua kejadian kematian. Di atas dasar ini hujahan perayu-perayu bahawa mereka menunggu keputusan inkues sebelum boleh memulakan tindakan ke atas responden-responden adalah satu falasi atau

"misconceived". Perayu-perayu telah berterusan berdiam diri dan duduk atas hak mereka daripada mengambil tindakan terhadap responden-responden. Tindakan terhadap responden-responden boleh dimulakan awal sebelum tempoh 36 bulan daripada tarikh kematian si mati pada 1 Jun 2013. Maklumat-maklumat untuk menyokong tindakan boleh diperolehi oleh perayu-perayu jika usaha diligen dilakukan. Pernyataan tuntutan boleh dipinda pada mana-mana peringkat presiding seperti yang dibenarkan oleh Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 untuk memasukkan keterangan baharu jika terdapat fakta-fakta baharu yang relevan dengan kausa tindakan. Terdapat juga peruntukan berkaitan dengan 'discoveries' setelah tindakan difailkan. Undang-undang membenarkan keterangan baharu dibawa masuk sekiranya terdapat keterangan baharu walaupun setelah kes diputuskan jika sekiranya keterangan baharu yang material itu tidak diperolehi dahulunya atau keterangan tersebut yang baharu diperolehi mempunyai elemen kemungkinan besar yang boleh mengubah sesuatu penghakiman yang telah dibuat jika keterangan tersebut wujud sebelum penghakiman. Laporan atau keputusan inkues kematian yang hanya wujud selepas perayu-perayu memfailkan tuntutan adalah salah satu contoh fakta baharu yang membolehkan perayu-perayu untuk memohon meminda pernyataan tuntutan. Tetapi pra-syarat untuk perkara ini hanya terpakai sekiranya tuntutan difailkan dalam tempoh masa yang dibenarkan oleh undang-undang. Jelasnya, perayu-perayu gagal dan tidak melihatkan mereka mengambil langkah-langkah sedemikian.

[31] Peguam cara perayu-perayu merujuk kepada kes *Ibrahim Mohideen Kutty v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* (*supra*) untuk menyokong hujahannya. Kes ini melibatkan plaintif yang ditahan di bawah perintah penahanan bertarikh 7 Julai 1998 selama tempoh dua tahun oleh Menteri Dalam Negeri bawah s. 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Pada 29 September 1998, plaintif dimaklumkan bahawa ia digantung kerja tanpa gaji mulai 8 Julai 1998. Plaintif kemudiannya dibebaskan pada 3 Januari 2000 selepas tamat tempoh perintah penahanan. Beberapa bulan selepas dibebaskan, plaintif dimaklumkan bahawa perkhidmatannya ditamatkan berkuat kuasa mulai 16 Jun 2000. Plaintif telah memfailkan saman pemula terhadap defendan pada 14 Mac 2002, antaranya, mencabar penamatan perkhidmatan plaintif sebagai tidak sah selain daripada mencabar perintah penahanannya juga sebagai tidak sah. Defendan membuat permohonan di bawah A. 18 k. 19(1)(b) atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk membatalkan saman pemula plaintif atas alasan saman pemula itu difailkan setelah tempoh masa 36 bulan telah luput. Mahkamah Tinggi bagaimanapun telah menolak permohonan defendan untuk membatalkan saman pemula plaintif atas alasan kecederaan dan kerugian atau kerosakan yang dialami plaintif adalah secara berterusan, dalam bentuk menyekat kebebasan asasi yang disebabkan oleh perintah tahanan tersebut dan yang demikian tempoh masa hanya akan bermula apabila kecederaan atau kerosakan tersebut terhenti, iaitu tarikh plaintif dibebaskan pada 3 Januari

2000. Oleh itu tempoh 36 bulan diputuskan sebagai bermula dari tarikh 3 Januari 2000. Memandangkan saman pemula plaintif difailkan pada 14 April 2002, iaitu dalam masa 26 bulan, maka plaintif berada dalam tempoh had masa 36 bulan seperti yang disyaratkan di bawah s. 2(a) PAPA 1948. Bagaimanapun, kami dapati kes *Ibrahim bin Mohideen Kutty* ini tidak membantu hujahan perayu-perayu kerana dalam tindakan di hadapan kami ini tidak terdapat elemen kecederaan atau kerosakan yang berterusan dilakukan oleh responden-responden terhadap si mati, yang mati pada 1 Jun 2013. Kematian si mati hanya melibatkan satu elemen 'single act', iaitu serangan dan kecuaian yang berlaku pada 1 Jun 2013 dan tiada elemen kecederaan atau kerosakan yang berterusan. Tarikh keputusan inkues pada 25 Januari 2015 tidak boleh disifatkan sebagai kecederaan dan kerosakan berterusan atas si mati yang boleh menangguh tempoh had masa. Tempoh had masa untuk membawa tindakan kekal bermula pada 1 Jun 2013.

[32] Dalam kes *Ronald Beadle v. Hamzah HM Saman & Ors* [2007] 1 CLJ 421, Mahkamah Rayuan memberikan maksud elemen "single act" ialah seperti berikut (ms. 432):

> [19] This section was also succinctly explained by Wan Sulaiman J (as he then was) in the case of *Mak Koon Yang & Anor v. Municipal Councillors, Melaka* [1967] 1 MLJ 256. After referring to the English Court of Appeal case of *Carey v. Metropolitan Borough of Bermondsey* 20 TLR the learned judge said this at p. 259:
>
> > Court of Appeal held in respect of that section of the English Act which was *pari materia* with our section 2(a) that "the language of the section was reasonably plain and it was manifest that the continuance of the injury or damage meant the continuance of act which caused the damage." Time would therefore begin to run for the purposes of the Ordinance, from the time the act was caused, not from the time when the injury or damage ceased, or in the case of a continuing injury or damage, when the act causing the injury or damage ceased.
>
> [20] Indeed in *Carey v. Bermondsey Borough Council* [1906] 94 LT 216 the word 'continuance' found in s. 1 of the Public Authorities Protection Act 1893 of the United Kingdom was construed to mean "a continuing cause of action" or the continuance of the act which caused the damage. (see also: *Markey v. Tolworlh Joint Isolation Hospital District Board* [1900] QBD 454).

[33] Fakta yang serupa dengan kes *Ibrahim bin Mohideen Kutty v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* (*supra*) juga terdapat dalam kes kedua yang dirujuk oleh peguam cara perayu, iaitu kes *Lee Foo Chuan* (*supra*) yang dikenakan perintah tahanan oleh Menteri Dalam Negeri. Plaintif dalam kes ini mencabar keesahan perintah tahanan tersebut melalui permohonan *habeas corpus*. Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan plaintif itu. Mahkamah Tinggi memutuskan tempoh had masa tindakan oleh plaintif hanya bermula dari tarikh plaintif dibebaskan melalui perintah mahkamah yang membenarkan permohonan *habeas corpus* plaintif pada 21 Februari

2011, iaitu tarikh kecederaan atau sekatan terhadap kebebasan plaintif terhenti. Plaintif berada di bawah perintah tahanan sejak 22 April 2009. Plaintif memfailkan writ tuntutan pada 19 Februari 2014.

[34] Kami berpendapat kes *Lee Foon Chuan* (*supra*) ini juga tidak dapat membantu hujahan perayu-perayu kerana elemen kecederaan dan kerosakan berterusan dalam kes tersebut tidak terdapat dalam kes rayuan di hadapan kami ini yang mana si mati mati pada 1 Jun 2013. Kematian si mati hanya melibatkan satu elemen 'single act' iaitu dakwaan akibat dari serangan dan kecuaian responden-responden yang semuanya terjadi dan berakhir pada hari yang sama, iaitu 1 Jun 2013. Perayu-perayu tidak boleh bersandarkan kepada faktor keputusan inkues dalam mana kuasa budi bicara terletak kepada Pendakwa Raya untuk mengarahkan inkues dibuat atau tidak. Jika sekiranya tiada inkues diarahkan oleh Pendakwa Raya apakah yang masih ada untuk ditunggu oleh perayu-perayu sebelum boleh memfailkan tindakan? Jelasnya inkues tidak boleh dijadikan alasan yang membentuk elemen kecederaan dan kerosakan berterusan yang boleh menunda atau menangguh tempoh had masa tindakan. Oleh itu hujahan peguam cara perayu-perayu bahawa sekiranya tindakan perayu-perayu difailkan sebelum inkues akan menjadikan tuntutan tersebut sebagai pra-matang yang akan membolehkan responden-responden membatalkan tindakan tidak mempunyai merit. Perayu-perayu tidak boleh berterusan duduk diam atas haknya dan hanya bangkit menuntut hak tersebut setelah luput tempoh masa yang dibenarkan di bawah undang-undang.

[35] Dalam kes *Sr Katherine Lim KH v. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan Malaysia & Ors* (*supra*), Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut di ms. 570 (CLJ); ms. 543 (MLJ):

> ... Having filed the originating summons only on 7 November 1996, she is clearly out of time by five years and four months. On this preliminary point alone, her claim fails.

[36] Dalam kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Lay Kee Tee & Ors* [2009] 1 CLJ 663, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut (ms. 680):

> [23] ... In so far as PAPA is concerned, the law is settled. The Privy Council in *Yew Bon Tew & Anor v. Kenderaan Bas Mara* [1983] 1 CLJ 11; [1983] CLJ (Rep) 56 held that limitation under PAPA is "just as much a "right" as any other statutory or contractual protection against a future suit".
>
> [24] In this respect, both Court of Appeal and the Federal Court have consistently struck out claims when it was clear that the statute of limitations would be relied on or raised. In *Alias Ismail v. Hairuddin bin Mohamad & Anor* [1997] 4 CLJ 669 the Court of Appeal held that the court has no discretion to set aside a defence of limitation. It was open to the defendant on an application to dismiss an action as being frivolous and vexatious or an abuse of the process of the court to show that the plaintiff's cause of action was statute-barred and must fail for that reason.

[37] Prinsip undang-undang mantap yang sama diikuti oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Vista Specialist Eye Centre Sdn Bhd v. Dato' Loo Son Yong And Another Appeal* [2016] 1 LNS 1127; [2016] MLJU 412, apabila menolak rayuan perayu terhadap perintah pembatalan tindakan disebabkan tindakan perayu difailkan selepas masa luput.

[38] Berdasarkan kepada huraian yang kami nyatakan, kami mendapati YA Pesuruhjaya Kehakiman tidak melakukan kekhilafan apabila membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan perayu-perayu dan juga jawapan perayu-perayu kepada pembelaan responden-responden. Jelas telah berlaku kelewatan selama empat tahun tujuh bulan daripada tarikh 1 Jun 2013, iaitu tarikh kejadian serangan yang dikatakan dilakukan terhadap si mati dan dakwaan kecuaian responden-responden untuk menghalang kejadian serangan daripada berlaku. Tuntutan oleh perayu-perayu oleh itu telah terhalang di bawah s. 2(a) PAPA dan satu penyalahgunaan proses mahkamah yang mewajarkan tuntutan perayu-perayu dibatalkan di bawah semua cabang yang terdapat dalam A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Hujahan peguam cara perayu-perayu tidak mempunyai merit dalam isu ini.

[39] Kami menimbangkan pula alasan rayuan perayu-perayu di bawah perenggan (3), (4), (7) dan (8) memorandum rayuan yang kami gabungkan kerana saling kait mengait dalam isu sama ada perayu-perayu mempunyai "*locus standi*" untuk membawa tindakan ini dan sama ada perayu ketiga yang masih di bawah umur mempunyai kapasiti undang-undang untuk membawa tindakan ini atas namanya sendiri. Peguam cara perayu-perayu mengakui bahawa perayu pertama dan perayu kedua masih belum mendapatkan surat kuasa mentadbir (letter of administration) untuk mentadbir dan mewakili estet si mati. Dengan kata lain mereka bukanlah wasi kepada si mati. Tidak dinafikan juga bahawa perayu ketiga adalah seorang kanak-kanak yang masih di bawah umur. Peguam cara perayu-perayu bagaimanapun menghujahkan bahawa perayu pertama sebagai isteri si mati dan perayu kedua serta perayu ketiga sebagai anak-anak kandung si mati mempunyai *locus standi* untuk membawa tindakan ini bagi menuntut ganti rugi terhadap responden-responden atas kematian si mati. Peguam cara juga menegaskan demi keadilan tindakan perayu-perayu ini tidak harus dibatalkan atas isu *locus standi*.

[40] Perayu-perayu telah memplidkan dua kausa tindakan terhadap responden-responden, iaitu kausa tindakan kecuaian dan kausa tindakan di bawah s. 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956. Perayu-perayu ketika membawa tindakan ini bukanlah wasi (executor) kepada si mati dan dengan itu gagal mematuhi pra-syarat s. 7(2) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Perayu ketiga pula, seorang kanak-kanak bawah umur membawa tindakan ini atas nama sendiri dan bukan melalui wakil litigasi dan dengan itu melanggari pra-syarat A. 76 k. 2(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

[41] Seksyen 7(2) Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Akta 67) memperuntukkan seperti berikut:

> 7(2) Every such action shall be for the benefit of the wife, husband, parent, and child, if any, of the person whose death has been so caused and shall be brought by and in the name of the executor of the person deceased.

[42] Aturan 76 k. 2(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan:

> O. 76 r. 2
>
> (1) A person under disability may not bring, make a claim in, defend, make a counterclaim in, or intervene in any proceedings, or appear in any proceedings under a judgment or order notice of which has been served on him, except by his litigation representative.

[43] Aturan 76 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 memberi definisi perkataan "person under disability" bermaksud kanak-kanak di bawah umur atau orang yang sakit.

[44] Kami mengamati penghakiman YA Pesuruhjaya Kehakiman untuk isu ini. Dalam perenggan [14] dan [15] penghakiman, YA Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan bahawa perayu-perayu tidak mempunyai *locus standi* untuk membawa tindakan ini. YA Pesuruhjaya Kehakiman juga memutuskan perayu ketiga seorang kanak-kanak bawah umur tidak kompeten untuk membawa tindakan ini di atas namanya sendiri yang bukan melalui wakil litigasinya, dan oleh itu bertentangan dengan kehendak peruntukan A. 76 k. 2(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Kami tidak mendapati YA Pesuruhjaya Kehakiman melakukan kekhilafan dalam keputusannya apabila membenarkan permohonan responden-responden untuk membatalkan tindakan perayu-perayu atas isu ini.

[45] Prinsip undang-undang mantap dalam pembatalan tindakan di bawah A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 (A. 18 k. 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sebelumnya) telah dinyatakan dengan jelas oleh Mahkamah Agung dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7; [1993] 3 MLJ 36. Kami tidak berhasrat mengulangi prinsip mantap tersebut dalam penghakiman kami ini. Tindakan perayu-perayu "obviously unsustainable" dan mewajarkan pembatalannya.

Kesimpulan

[46] Berdasarkan kepada huraian di atas, kami sebulat suara memutuskan rayuan oleh perayu-perayu tidak mempunyai merit. Rayuan perayu-perayu dengan itu ditolak. Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 8 Oktober 2018 dikekalkan. Tiada kos diperintahkan.